

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

8 Ogos 2020

1. Pasar awam Salak diganggu anjing liar
2. Penternak rugi RM30,000

OLEH:


**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 8 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	15	
Perkara	Kawalan penyakit	

ANJING-ANJING liar sekitar kawasan Pasar Awam Salak, Sepang semalam.



Pasar Awam Salak diganggu anjing liar

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEPANG – Penduduk di sekitar Kampung Salak dekat sini bimbang dan kurang selesa dengan kemunculan lebih 10 ekor anjing liar terutamanya di persekitaran Pasar Awam Salak sejak beberapa bulan yang lalu.

Keresahan itu berikutan terdapat beberapa kejadian penduduk dikejar ketika melalui kawasan tempat haiwan itu berkumpul.

Bilangannya juga dipercayai bertambah sejak akhir-akhir ini berikutan ada pihak memberi makan kepada anjing-anjing berkenaan.

Seorang penduduk, Ahmad Irsyad Arifuddin 32, berkata, kehadiran anjing liar terutamanya di kawasan awam seperti pasar sememangnya mendatangkan kebimbangan penduduk setempat.

“Saya pun terkejut dan takut untuk keluar kereta dikhuatiri diserang anjing liar yang bertindak agresif setiap kali terserempak dengan manusia.

“Setiap hari apabila ke pasar ini, saya selalu bimbang dikejar anjing. Harap pihak berkuasa akan ambil tindakan,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Hafiz Mohd. Fudzi, 48, berkata,

kebimbangan berhubung keselamatan orang ramai memerlukan perhatian dan tindakan serius pihak berkuasa tempatan meskipun belum ada kes serangan anjing liar dilaporkan di kawasan itu buat masa ini.

“Penduduk juga kluatir dengan ancaman penyakit anjing gila atau rabies walaupun setakat ini belum ada lagi kes serupa itu terjadi.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang, Mohd. Fauzi Mohd. Yatim berkata, pihaknya sedang menjalankan operasi secara berjadual bagi menangkap anjing liar di kawasan berkenaan.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 8 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	14	
Perkara	Usahawan	



MOHD. Sukari melihat empat ekor anak lembu yang terdapat di kandang miliknya di Taman Murni Perdana, Paka semalam.

Tiga kali kandang diceroboh, 12 ekor lembu dicuri sejak Februari

Penternak rugi RM30,000

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

DUNGUN – Seorang penternak lembu terpaksa menanggung kerugian lebih RM30,000 selepas 12 ekor haiwan peliharaannya hilang dipercayai dicuri pihak tidak bertanggungjawab di Taman Murni Perdana, Paka dekat sini sejak Februari lalu.

Mohd. Sukari Awang, 56, berkata, kejadian terbaharu berlaku kelmarin apabila tujuh ekor lembu miliknya yang berusia satu hingga tiga tahun dilaporkan hilang kira-kira pukul 6 pagi.

Katanya, ia merupakan kali ketiga lembu-lembu peliharaannya

dicuri sejak awal Februari lalu sehingga menyebabkan kerugian lebih RM30,000.

"Kali pertama kandang lembu saya seluas kira-kira 0.2 hektar diceroboh ialah pada akhir Februari lalu apabila empat ekor lembu hilang tiba-tiba. Seminggu kemudian iaitu pada awal Mac lalu, seekor lagi dicuri.

"Awal pagi semalam (kelmarin), tujuh lagi lembu yang masing-masing seberat hampir 100 kilogram bernilai keseluruhan RM15,000 dicuri. Sekarang ini, saya hanya mempunyai empat ekor anak lembu," katanya ke-

tika ditemui di sini semalam.

Mohd. Sukari berkata, kali terakhir dia melihat tujuh ekor lembu itu ialah sewaktu meninggalkan kandang pada pukul 10.45 malam untuk pulang ke rumahnya yang terletak kira-kira 500 meter dari situ.

Beliau percaya, kehilangan haiwan ternakannya itu didalangi oleh sekumpulan individu yang menggunakan lebih daripada satu kenderaan.

"Saya jumpa kesan tayar kenderaan dan aksesori kereta dipercayai kereta Perodua Axia yang dipercayai tertanggal berhampiran kandang lembu saya.

"Laporan polis telah dibuat dan saya minta orang ramai tidak membeli lembu bertanda seperti mempunyai tali putih di leher dan telinganya berlubang yang dijual dengan harga murah kerana dikhuatiri ia haiwan ternakan yang dicuri," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah yang dihubungi mengesahkan menerima laporan kes tersebut.

Beliau berkata, kes itu sedang disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan.